

PRESTASI LOJI PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK MENGGUNAKAN TENAGA BOLEH BAHARU (RENEWABLE ENERGY - RE) BAGI SUKU TAHUN KETIGA TAHUN 2012

1) Loji Janakuasa RE Utama Yang Telah Dilesenkan Sehingga Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012


Pada suku tahun ketiga terdapat pertambahan lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Sebanyak 7 lesen awam bagi aktiviti penjaan elektrik menggunakan sumber tenaga boleh baharu solar PV telah dikeluarkan. 3 daripadanya merupakan pemegang lesen provisional sebelum ini iaitu Mujur Satria, Saujana Nagamas dan Exotic Eccess. 2 lagi lesen awam diberikan kepada Alpha Automation (Selangor) dan Macglo Steel Service Centre bagi aktiviti penjaan elektrik juga menggunakan solar PV. Lesen awam juga diberi kepada janakuasa menggunakan solar PV individu iaitu Dato' Dennis Ganendra & Tew Peng Hwee.

2) Jumlah Tenaga Elektrik Dijana pada Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012


	Jumlah Tenaga Elektrik Dijana (MWj)		Jumlah Tenaga Elektrik Dijual (MWj)	
	Semenanjung	Sabah	Semenanjung	Sabah
Loji Penjaan Biomias	5,906.86	60,786.38	3,991.93	48,778.16
Loji Penjaan Biogas	7,003.48	-	6,580.15	-
Loji Penjaan Mini Hidro	9,600.38	2,958.93	9,309.26	2,958.93
Loji Penjaan Solar PV	1,177.74	-	65.34	-
JUMLAH	23,688.46	63,745.31	19,946.68	51,737.09

Penjaan elektrik menggunakan RE di Sabah adalah lebih tinggi berbanding di Semenanjung. Di Sabah, penjaan menggunakan bahan api Biomias iaitu merupakan salah satu loji janakuasa penjaan utama telah meningkat berbanding suku tahun kedua sebanyak 24%. Di Semenanjung penjaan daripada loji janakuasa mini hidro mengalami penurunan sebanyak 2% berbanding suku tahun kedua kerana faktor cuaca yang kering dan mengalami pengurangan hujan.

Bilangan Lesen & Kapasiti Loji Janakuasa RE Yang Telah Dilesenkan Sehingga Q3/2012




JUMLAH TENAGA ELEKTRIK YANG DIJANA & DIJUAL MENGGUNAKAN TENAGA BOLEH BAHARU



3) Jumlah Penjanaan Tenaga Elektrik oleh Loji Janakuasa Menggunakan Biomass

	Kapasiti Dilesenkan (MW)	Jumlah Penjanaan Elektrik (MWj)
Loji Biomass-1	6.50	1,360.40
Loji Biomass-2	8.90	3,636.15
Loji Biomass-3	11.50	17,462.58
Loji Biomass-4	11.50	21,017.59
Loji Biomass-5	13.00	910.31
Loji Biomass-6	14.00	22,306.21
JUMLAH		66,693.24

Pada suku tahun ketiga, prestasi loji janakuasa 3,4 dan 6 yang terletak di Sabah telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding di Semenanjung. Loji biomass-5 merekodkan pengurangan dalam penjanaan elektrik akibat masalah sistem utama.



4) Jumlah Lesen Provisional Yang Telah dikeluarkan Oleh Suruhanjaya Pada Suku Tahun Ketiga (Q3) 2012

Jenis Bahan Api	Bilangan Lesen	Jumlah Kapasiti
Mini Hidro	1	5.000
Biomass	1	12.500
Biogas	-	0.000
Solar PV - Individu	3	2.620
Solar PV - Bukan-Individu	5	14.150
JUMLAH	10	34.270

Berdasarkan rekod Suruhanjaya, pada suku tahun ketiga 2012, sejumlah 10 *Provisional Licence* telah dikeluarkan kepada yang layak. Daripada jumlah tersebut, dijangkakan 5 pemegang lesen akan mula tugas pada tahun ini iaitu sebanyak 17.619 MW.

